

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2021/2022**

Julai/Ogos 2022

HST224 – Sejarah Dunia Melayu

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C dan SATU (1) soalan daripada mana-mana bahagian. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT (4) soalan hanya EMPAT (4) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberikan markah.

- 2 -

Bahagian A

1. "Terdapat banyak teori tentang asal usul Melayu di Dunia Melayu." **Terangkan** kekuatan dan kelemahan teori-teori tersebut daripada sudut pandang Dunia Melayu.

[100 markah]

2. "Terdapat banyak teori kedatangan Islam ke Dunia Melayu." Anda dikehendaki **membuat kesimpulan** teori manakah yang paling sesuai dengan situasi Dunia Melayu pada masa kini?

[100 markah]

Bahagian B

3. "Kerajaan Langkasuka-Patani adalah kerajaan Melayu paling lama bertahan dengan sistem pemerintahan beraja." Buat satu **penelitian** daripada segi sumber, lokasi dan sosio-ekonomi kerajaan tersebut.

[100 markah]

4. Anda dikehendaki **menganalisis** kesan politik dan sosio-ekonomi daripada Perjanjian Tordesillas antara Sepanyol dan Portugal pada 1494 kepada Dunia Melayu.

[100 markah]

5. "Kemunculan Gerakan Propaganda (1872-1892) dan Budi Utomo (1908) menandakan Filipina dan Indonesia memasuki zaman baharu dalam perjuangan kemerdekaannya." Anda dikehendaki **meneliti** kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian C

6. "Perdagangan antara Sepanyol dengan Filipina selama 200 tahun pertama amat merugikan Sepanyol, sebaliknya perdagangan antara Belanda dengan Hindia Belanda amat menguntungkan Belanda." Nilaikan kebenaran pernyataan ini.

[100 markah]

7. "Kejayaan Belanda campur tangan dalam sistem pemerintahan kerajaan-kerajaan di Hindia Belanda disebabkan oleh kemahuan Belanda itu sendiri." Bagaimanakah anda dapat **pertahankan** pernyataan tersebut?

[100 markah]

8. "Dasar Amerika Syarikat di Filipina adalah untuk memberi peluang kepada orang Filipina bertugas dalam pentadbiran negara mereka sendiri." Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat **dipertahankan**?

[100 markah]

- oooOooo -